

28/04/2001

MK Land yakin siapkan proses penggabungan hujung tahun

MK Land Holdings Bhd (MK Land), syarikat hartanah yang membangunkan projek rumah mampu milik paling berjaya di Damansara Damai Sungai Buloh, dan Taman Bunga Raya, Bukit Beruntung, Selangor, yakin menyiapkan proses penggabungannya sebelum hujung tahun ini.

Mengikut cadangan penggabungan yang dijangka mewujudkan sebuah syarikat hartanah tersenarai terbesar di Papan Utama Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), pemegang saham terbesar MK Land dan vendornya akan menyatukan syarikat hartanah mereka untuk mewujudkan sebuah syarikat dengan modal berbayar RM1.2 bilion.

Puas hati dengan rekod Damansara Damai dan Taman Bunga Raya sebagai lokasi kediaman mampu milik unggul, Pengerusi Eksekutif MK Land, Tan Sri Mustapha Kamal Abu Bakar, cuba menyampaikan mesej kepada indutri bahawa konsep penswastan yang dilaksanakan syarikat patut menjadi contoh kepada projek pembangunan hartanah lain.

"Selain merekodkan perolehan baik daripada jualan iaitu lebih RM1 bilion bagi kedua-dua projek berkenaan, konsep pembangunan rumah mampu milik sebegini turut memberikan kesan limpahan yang besar kepada kegiatan ekonomi," katanya sebelum membawa media melawat projek Damansara Damai di Sungai Buloh, semalam.

Lebih 6,000 pembeli rumah mampu milik di projek itu akan menerima kunci rumah mereka sepanjang tahun ini. Penyerahan rumah itu sendiri adalah rekod antara penyerahan terbesar bagi sebuah projek hartanah.

Lantaran kejayaan itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menghadiri majlis penyerahan kunci secara simbolik kepada 20 pembeli perintis projek itu Ahad ini. Orang ramai boleh turut hadir pada hari itu.

Katanya, untuk kedua-dua projek berkenaan syarikat sudah mewujudkan 34 kontraktor utama, 170 subkontraktor dan 8,970 pekerja profesional.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif MK Land, P Kasi berkata, cadangan penggabungan itu membabitkan pengambilalihan 100 peratus kepentingan dalam Saujana Triangle Sdn Bhd, MK Development Sdn Bhd, MKN Properties Sdn Bhd dan Mallika Holdings Sdn Bhd.

Pengambilalihan berkenaan akan diselesaikan menerusi terbitan bon sebanyak RM300 juta, waran 284.142 juta kepada pemegang saham sedia ada pada asas empat waran untuk lima saham sedia ada.

(END)